

26 NOV 2002

PELANTIKAN JAMALUDIN RINGKANKAN TUGAS SAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan Datuk Dr Jamaludin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua dapat meringankan beban tugasnya sebagai Menteri Kewangan tetapi beliau masih bertanggungjawab terhadap kementerian itu.

"Saya mempunyai banyak kerja di Kementerian Kewangan. Teruk sangat, tak menang dengan orang nak jumpa, papers (surat) yang nak dibaca," kata beliau.

"Oleh itu, pelantikan Jamaludin dapat meringankan beban kerja saya di kementerian itu," kata Dr Mahathir pada sidang media sekembalinya dari Perancis.

Pengumuman pelantikan Jamaludin, bekas pengerusi Tenaga Nasional Bhd, sebagai Menteri Kewangan Kedua dibuat oleh Pejabat Perdana Menteri pada Selasa lepas.

Menjawab soalan sama ada Jamaludin akan dilantik sebagai Bendahari Umno, beliau berkata perkara itu tidak timbul.

Dr Mahathir memberi contoh semasa Tun Daim Zainuddin menjadi Bendahari, Menteri Kewangan pada ketika itu ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim.

-- BERNAMA

SHO MR AHH PR